
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

RMK 360 – UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN II

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Regina Iwn Electricity Comissioners (1924) IKB77, hlm.205, Hakim Lord Atkin menyebut:

"Apabila sesuatu badan mempunyai kuasa di sisi undang-undang untuk menentukan sesuatu persoalan yang memberi kesan kepada hak seseorang, dan mempunyai tugas untuk bertindak secara kehakiman, telah bertindak melebihi kuasa undang-undang itu, maka ia dengan itu adalah tertakluk kepada semakan mahkamah".

Bincangkan semakan kehakiman dalam kes tatatertib penjawat awam.

(25 markah)

2. Dalam jangkamasa 35 tahun, pembangunan harta tanah telah berkembang maju dan menjadi satu sektor ekonomi yang serba moden. Dengan bertambahnya bilangan penduduk, projek-projek perumahan di kawasan bandar diperbanyakkan dan keutamaan diberi kepada pembinaan rumah-rumah kos rendah.

Bincangkan aspek-aspek penting bagi pembeli rumah, iaitu:

- (a) Hak-hak pembeli dalam surat perjanjian jual beli.
- (b) Tanggungjawab pembeli dalam surat perjanjian jual beli.
- (c) Tanggungjawab pemaju dalam surat perjanjian jual beli.

(25 markah)

3. Rancangan Malaysia Pertama dalam tahun 1966 mempunyai matlamat utama iaitu menyediakan perumahan rakyat sebagai komponen utama dalam khidmat masyarakat. Salah satu tugas utama pihak berkuasa tempatan ialah mengawal selia perumahan rakyat. Bincangkan tugas-tugas tersebut yang berkaitan dengan perumahan selamat dan tidak selamat.

(25 markah)

4. Slogan 'Negara Sihat Rakyat Selamat' telah digunakan dalam Kempen Kesihatan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Untuk merealisasikan matlamat ini, pihak berkuasa tempatan diberi kuasa mengawal kesihatan awam di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976. Bincangkan.

(25 markah)

5. Bincangkan maksud mudarat awam dan mudarat persendirian. Huraikan elemen-elemen penting mudarat dan peruntukan mudarat di dalam Akta Kesalahan Kecil 1955 (Minor Offences Act 1955).

(25 markah)

6. Persekitaran yang tercemar dengan sisa buangan industri dan domestik tidak menyumbang kepada kebersihan alam sekitar.

Bincangkan peruntukan di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Environmental Quality Act 1974).

(25 markah)

- 000 OO 000 -